



KENANGAN: Bengkel PTO yang disertai NDRC UMS bersama agensi-agensi kerajaan yang lain.

NDRC UMS terlibat aktif dalam Bengkel PTO Gempa Negara UB 22.08.2023 P.04

KOTA KINABALU: Pusat Kajian Bencana Alam (NDRC), Universiti Malaysia Sabah (UMS) terlibat dalam Bengkel Peraturan Tetap Operasi Pengendalian Bencana (PTO) Gempa Bumi Negara anjuran Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) di sini, baru-baru ini.

Program itu antara lain bertujuan mengemas kini PTO Gempa Bumi seiring dengan peredaran semasa serta memastikan agensi-agensi yang berkaitan menggunakan teknologi terkini.

Di samping itu, ia bagi mempersiapkan negara agar sentiasa bersedia apabila berhadapan ancaman bencana gempa tertamanya di Sabah.

Pengarah NDRC, Prof. Madya Dr. Carolyn Payus

berkata, usaha proaktif dari pihak kerajaan persekutuan, negeri dan daerah amat penting dalam mengemas kini penyelarasan bidang kuasa agensi kerajaan yang terlibat dalam operasi tindakan serta arahan gerakan agar lebih jelas dan cekap serta berkesan dalam mengendalikan bencana apabila berlaku gempa bumi di Malaysia.

“Pelibatan NDRC dalam program ini amat penting dan sangat signifikan kerana Sabah lebih kerap terdedah dengan ancaman gempa bumi.

“Bagi Sabah, kejadian gegaran gempa bumi adalah disebabkan kombinasi pengaktifan sesar-sesar kuno akibat himpitan pergerakan tektonik Plat Filipina dan Plat Eurasia, selain disebabkan pergerakan

sesar aktif tempatan.

“Pihak NDRC telah mengeluarkan rujukan dalam pembinaan serta reka bentuk bangunan di Malaysia agar mampu bertahan sekiranya berlaku gegaran gempa menerusi penyelidikan daripada Felo Utama Seismik Gempa dan Kejuruteraan NDRC, UMS, Dr. Noor Sheena Herayani.

“Sementara pemetaan Garis Sesar Zon Bahaya Seismik tertamanya di Sabah, menerusi penyelidikan Felo Penyelidik Geologis NDRC, UMS Dr. Hardianshah Salleh, hasil kerjasama dengan Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG),” katanya.

Bengkel yang berlangsung selama empat hari itu turut disertai Majlis Keselamatan Negeri Sabah, Jabatan Kesihatan Neg-

eri Sabah, Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah, Jabatan Air, Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah, Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia Sabah, Taman-taman Sabah, Jabatan Perhutanan Sabah.

Turut menghantar peserta ialah Pejabat Daerah Kota Belud dan Ranau serta Pejabat Hal Ehwal Dalam Negeri dan Penyelidikan dan Angkatan Pertahanan Awam Negeri Sabah (APM) yang juga penganjur bersama bengkel itu menerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sabah (JPBN).

Bengkel berkenaan dirasmikan penutupannya oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-Tugas Khas) Datuk Armizan Mohd Ali.